

Penjanaan Kemahiran Insaniah Mahasiswa IPT Melalui Sinergi Ilmu Dan Pendidikan : Kajian Kes Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM)

Mohd Azuwan M.¹, Budi Alfahmi M. Z.²,
Wan Mohd Dhaiyudeen Helmy W.M.³

¹Universiti Teknologi PETRONAS, Bandar Seri Iskandar, 31750, Tronoh, Perak, Malaysia

²Kolej Komuniti Sungai Siput, 31100, Sungai Siput, Perak, Malaysia

³Kolej Universiti Islam Perlis, 02100 Padang Besar, Perlis, Malaysia

Alamat Emel: azuwan_173@yahoo.com, budfahmi@yahoo.com, dhaiyudeen@kuips.edu.my

ABSTRAK

Kemahiran insaniah yang cemerlang sangat diperlukan oleh mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia agar dapat memenuhi kehendak pasaran kerja setelah tamat pengajian di universiti. Walaupun terdapat beberapa program dan kaedah dijalankan untuk menjana kemahiran insaniah mahasiswa, kajian terhadap impak pengajian persilatan dan aktiviti berpersatuan terhadap kemahiran insaniah mahasiswa masih minima. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji impak mempelajari Seni Silat Cekak Malaysia (SSCM) sehingga tamat dan aktif di dalam Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) terhadap penjaan kemahiran insaniah 18 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa IPT tempatan. Seramai 18 orang responden telah menjawab borang kaji selidik yang mengandungi soalan berkaitan tahap tujuh elemen kemahiran insaniah individu sebelum dan selepas menyertai PSSCM. Borang kaji selidik ini dihantar melalui e-mel. Responden tersebut perlu menjawab tahap kemahiran insaniah mereka sebelum dan selepas menyertai PSSCM. Keputusan kajian mendapati bahawa mempelajari SSCM sehingga tamat dan aktif di dalam PSSCM dapat menjana kemahiran insaniah responden ke Tahap 4 (tinggi) dan 5 (amat tinggi) dalam semua elemen kemahiran insaniah responden disebabkan oleh silibus pelajaran SSCM yang bersistem, program PSSCM yang tersusun dan sistem pendidikan berguru. Secara kesimpulannya, impak yang positif terhadap penjaan kemahiran insaniah responden dapat dilihat dengan jelas apabila mereka tamat pengajian SSCM dan aktif di dalam PSSCM.

KATA KUNCI: kemahiran insaniah, mahasiswa IPT, ilmu, pendidikan, Seni Silat Cekak Malaysia

1. PENGENALAN

Kemahiran insaniah merupakan satu kemahiran dan nilai tambah yang diperlukan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan di Malaysia [1]. Oleh yang demikian, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah pun menyenaraikan tujuh (7) elemen utama yang terdiri daripada kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan untuk dilaksanakan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan [2].

Dewasa ini, terdapat beberapa kaedah yang telah digunakan oleh para penyelidik terhadap kemahiran insaniah mahasiswa di IPT agar dapat memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh KPM. Sebagai contoh, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telahpun membangunkan sebuah Pusat Kemahiran Generik untuk Pengajian Am yang bertujuan untuk menjana kemahiran insaniah mahasiswa di universiti berkenaan [3]. Kajian mendapati mahasiswa dapat menjana tahap kemahiran insaniah mereka setelah menyertai program tersebut. Kajian terhadap pemerolehan kemahiran insaniah di dalam program Hartanah melalui latihan industri telahpun dijalankan oleh Wilson *et al.* [4]. Mereka mendapati bahawa etika dan moral profesional dan kemahiran berpasukan dapat dijana semasa latihan industri. Musa *et al.* [5] pula telah menjalankan pendekatan *Project Based Learning* (PjBL) yang memerlukan mahasiswa untuk menyiasat permasalahan di tempat kerja dengan menggunakan keadaan tempat kerja yang sebenar. Berdasarkan pendekatan ini, mereka mendapati PjBL dapat menjana kemahiran insaniah mahasiswa yang menyertai kajian tersebut. Pertandingan *Chem-E-Car* dapat menyediakan peluang yang baik kepada mahasiswa tahun dua dan tiga untuk mejana kemahiran insaniah mereka [6]. Azizan dan Fatimah [7] telah menjalankan kajian terhadap mahasiswa yang menjalani proses bekerja terhadap *e-DELP*. Berdasarkan kajian yang dijalankan, pembelajaran dilihat mengatasi kemahiran di dalam menyelesaikan *Ordinary Differential Equations* sebagai satu persediaan jurutera masa hadapan yang mempunyai nilai kemahiran insaniah yang tinggi. Di Universiti Teknologi Mara (UiTM), penerapan kemahiran insaniah dilaksanakan melalui Program Kemahiran Insaniah (Pro-KI) seperti yang telah diarahkan oleh Lembaga Pengurusan Universiti (LPU) dalam mesyuarat LPU Bil. 103 tahun 2009 bertarikh 15 September 2009 untuk